

01 FEB 2003

Law-Cameron Highlands/I

JAS DIMINTA KEMUKA LAPORAN PENYALAHGUNAAN JENTERA BERAT DI CAMERON HIGHLANDS

KUALA LUMPUR, 1 Feb (Bernama) -- Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah diarah mengemukakan laporan penuh kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar mengenai penyalahgunaan jentera berat untuk membersihkan dan membangunkan lapan hektar tanah di Cameron Highlands oleh sekumpulan syarikat.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Seri Law Hieng Ding berkata beliau mahu laporan itu dikemukakan secepat mungkin.

Beliau mengulas laporan akhbar hari ini yang memetik Pegawai Daerah Cameron Highlands Haron Abdul Kader sebagai berkata syarikat-syarikat berkenaan telah melanggar dua perintah berhentikan kerja.

Haron berkata mereka diarah memberhentikan kerja-kerja itu kerana telah menggunakan jentera berat dan tidak menutup lereng bukit yang terdedah di kawasan itu yang sebelum ini merupakan sebahagian Ladang Teh Blue Valley.

Haron juga berkata pegawainya telah mengeluarkan kompaun RM500 bagi setiap jentera berat yang digunakan, tetapi operasi itu disambung semula sebaik sahaja pegawai penguatkuasa berkenaan meninggalkan tapak itu.

Ditanya sama ada kementeriannya akan menimbang untuk menaikkan kadar kompaun daripada RM500 sekarang, yang merupakan "amat murah bagi syarikat-syarikat yang melanggar undang-undang itu," Law berkata beliau akan mengkajinya.

Beliau berkata undang-undang mengenai perkara itu kini terletak dalam bidang kuasa pihak berkuasa tempatan.

"Mengenai denda, kita akan kajinya, mungkin denda juga terletak di bawah undang-undang pihak berkuasa tempatan, kita akan kaji sebarang undang-undang yang boleh digunakan dalam kes ini di bawah JAS," katanya.

Law berkata demikian kepada pemberita selepas menganjurkan jamuan tengah hari bagi meraikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sempena sambutan Tahun Baru Cina di sini hari ini.

Sementara itu, Menteri Pertanian Datuk Effendi Norwawi berkata undang-undang dan peraturan sedia perlu disemak bagi mencegah sesiapa daripada melanggar peraturan berkenaan.

"Dendanya terlalu minimum dan tidak berupaya bertindak sebagai pencegah. Mereka akan melanggar undang-undang dan bayar denda tetapi kemusnahan yang diakibatkannya terhadap alam sekitar, harta benda dan malahan nyawa lebih besar," katanya.

Beliau berkata terdapat garis panduan tertentu untuk memotong bukit tetapi isunya ialah bagaimana garis panduan itu dapat dikuatkuasakan oleh pihak majlis tempatan.

"Dalam isu seperti ini, kita mahu orang ramai bekerjasama dengan kita, maklumkan kita sekiranya mereka fikir terdapat pelanggaran tertentu dan kita berikan jaminan bahawa kerajaan akan ambil tindakan tegas," katanya.

Beliau berkata kerajaan bimbang dengan perkembangan sembarangan di kawasan tanah tinggi.

"Amat bahaya...amat berisiko. Kita hanya perlukan orang ramai membantu kita dan kita akan kaji keadaan itu dengan serius," katanya.

-- BERNAMA

MUN KHY RHM